



## UniMAP Lancar Projek U-Sikal Guna Teknologi RFID

Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) melancarkan Projek U-Sikal menggunakan teknologi 'Radio Frequency Identification' (RFID) dalam usaha merealisasikan hasrat UniMAP untuk menjadikan kampus tetapnya sebagai kampus hijau.

Projek U-Sikal akan menggunakan konsep teknologi di mana basikal yang berkunci dan diletakkan di *parking bay* yang ditetapkan hanya boleh dibuka dengan menggunakan kad RFID. Ia boleh digunakan serta merta selepas kad RFID menyentuh tempat sesentuh yang disediakan dan kadar sewaan yang dikenakan adalah sangat minimum iaitu 20 sen bagi 10 minit selepas 20 minit pertama.

Majlis pelancaran Projek U-Sikal telah disempurnakan oleh Raja Perlis, DYMM Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail semasa Majlis Ihtifal Ihya' Ramadan. Turut berkenan berangkat hadir, Raja Perempuan Perlis, Tengku Fauziah binti Tengku Abdul Rashid, DYTM Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail dan Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah.